

Publication	: Utusan Borneo (Sarawak)
Date	: 9 June 2017
Section	: Horizon
Page	: 8
Headline	: Hua Yang, Magna Prima tidak cadang bergabung setakat ini
PR Value	: 7,184.00

Hua Yang, Magna Prima tidak cadang bergabung setakat ini

KUALA LUMPUR: Hua Yang Bhd, yang mendapat kebenaran pemegang sahamnya untuk membeli pegangan tambahan sebanyak 20.12 peratus dalam Magna Prima Bhd, tidak menyasarkan sebarang usaha penggabungan kedua-dua syarikat pemaju harta tanah itu dalam masa terdekat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Hua Yang, Ho Wen Yan berkata perniagaan syarikat itu banyak bertumpu kepada usaha pembangunan perumahan mampu milik dan menyifatkan pembelian kepentingan tambahan itu akan membolehkannya menembusi segmen pertengahan serta mewah.

“Saya baru sahaja menyertai Magna Prima sebagai Pengarah Eksekutif. Peranan saya adalah untuk membantu syarikat memaksimumkan nilai simpanan tanah.

“Setakat ini, tiada sebarang rancangan untuk menggabungkan kedua-dua syarikat itu,” katanya pada sidang media selepas mesyuarat agung luar biasa Hua Yang di sini, semalam.

Hua Yang membeli kepentingan sebanyak 10.84 peratus dalam Magna Prima pada



SIDANG MEDIA: Ho bercakap kepada pemberita mengenai kerjasama syarikatnya dengan Magna Prima Berhad selepas Mesyuarat Agung Dalaman Huayang Berhad di Medan Selayang, Batu Caves semalam.

— Gambar Bernama

25 Jan, 2017 dan disusuli pegangan tambahan 20.12 peratus membabitkan pembelian 66.9 juta saham pada harga RM123.7 juta (RM1.85 sesaham).

Ini sekali gus menjadikan Magna Prima sebagai syarikat sekutu Hua Yang.

Ho berkata, syarikat itu juga tidak selesa dengan paras pelaburan semasa dalam Magna Prima berikutan nilai syarikat itu yang lebih tinggi.

Menurutnya, kedua-dua syarikat pemaju harta tanah itu sebaliknya lebih berminat untuk meninjau peluang kerjasama di sekitar Lembah

Klang dan kini dalam proses mewujudkan beberapa garis panduan bagi projek baharu berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, tiada sebarang tarikh akhir ditetapkan untuk pelaksanaan rancangan itu kerana matlamat utama Hua Yang lebih kepada membantu operasi Magna Prima selain keperluan pelabur.

Ditanya mengenai perancangan bagi aset utama Magna Prima membabitkan tanah seluas 1.06 hektar di Jalan Ampang yang merupakan lokasi Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Lai Meng sebelum ini, Ho berkata syarikat itu masih menunggu persekitaran pasaran kembali pulih sebelum membuat sebarang keputusan lanjut.

“Pasukan projek di Magna Prima perlu meneliti semula komponen berkaitan berikutkan keadaan pasaran ketika ini. Mereka juga dalam proses menyemak semula aspek perancangan akibat perubahan yang berlaku.

“Magna Prima mahu merasakan nilai sebenar tanah itu dan akan berkongsi lebih banyak maklumat apabila bersedia kelak,” katanya.

— Bernama